

TAKBIR HARI RAYA AIDILADHA

A. Hukum

Sunat bagi imam dan makmum serta orang yang solat sendirian, lelaki dan perempuan.

B. Masa Mula Dan Tamat Tempoh Sunat Bertakbir

1. Takbir Muqayyad (takbir selepas solat fardu/ sunat, berjemaah/ bersendirian, tunai/qada', dan termasuk juga selepas solat jenazah).

Mula : Selepas solat fardu subuh pada 9 Zulhijjah iaitu hari Arafah.

Tamat : Waktu Asar pada hari ke 13 Zulhijjah (disunatkan bertakbir selepas solat fardu Asar).

2. Takbir Mursal (bila-bila masa dan tidak terikat dengan selepas melaksanakan solat):

Mula : Terbenam matahari iaitu masuk waktu Maghrib pada 9 Zulhijjah (malam hari raya)

Tamat : Takbiratul Ihram untuk solat hari raya Aidiladha pada 10 Zulhijjah.

* Selepas solat sunat Aidiladha disunatkan bertakbir juga iaitu takbir muqayyad sebelum berdoa dan berkhotbah.

3. Lafaz Takbir

3 x (Didahului oleh Imam & diikuti oleh makmum)
dan seterusnya 1 x (imam sahaja)

Imam sahaja

Makmum sahaja

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ،
اللهُ أَكْبَرُ وَبِاللهِ الْحَمْدُ

اللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ، مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ،
وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ.
لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ وَبِاللهِ الْحَمْدُ

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ،
اللهُ أَكْبَرُ وَبِاللهِ الْحَمْدُ